

26/01/2000

Majlis sokong usaha kaji herba penawar Aids

KUALA LUMPUR, Selasa - Majlis Aids Malaysia menyokong usaha Kementerian Kesihatan untuk menjalankan analisis dan ujian terhadap rumusan herba 'Gelighar' yang didakwa dapat menyembuhkan jangkitan HIV/Aids.

Presiden majlis itu, Datin Paduka Marina Mahathir, berkata dakwaan berkenaan harus diberi perhatian serius kerana rumusan herba itu mungkin menjadi penawar yang ditunggu-tunggu selama ini.

"Bagaimanapun, ia mesti diselidiki dan disahkan secara profesional sebelum dihebahkan sebagai penawar," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, hari ini.

Marina berkata, sesuatu ubat hanya boleh dianggap sebagai penawar HIV jika penyakit itu berjaya dihapuskan dari tubuh seseorang serta sistem daya tahan dapat dipulihkan.

Menurutnya, petanda jangkitan HIV/Aids mungkin hilang selepas pesakit menjalani rawatan tetapi virus masih berada di dalam badan.

"Dengan ini, sistem daya tahan badan pesakit akan semakin lemah tanpa disedari sehingga penyakit lain timbul dan menyebabkan kematian," katanya.

Katanya, keberkesanan ubat itu hanya dapat disahkan dengan ujian viral load (kandungan virus dalam badan) serta penyelidikan saintifik bagi membuktikan ia dapat menyembuh semua pesakit dan bukan beberapa kes tertentu saja.

Ketika ini, lebih 30,000 pesakit HIV/Aids dikenal pasti di negara ini.

Sebelum ini, seorang wanita, Masitoh Bakar, 28, yang mengaku dijangkiti HIV, mendakwa kesihatannya pulih semula selepas menggunakan 'Gelighar'.

Beliau yang disahkan dijangkiti HIV oleh hospital kerajaan kira-kira tiga tahun lalu, mendakwa pulih selepas mengambil rumusan herba itu yang dikeluarkan sebuah syarikat di Bandar Darulaman, Jitra, Kedah.

(END)